

Suara dari Tanah Suci:

Khusbah Jumaat dari Masjidil Haram

Oleh: Faḍīlah Shaykh Abdullah Khīyāt

Imam Besar Masjidil Haram

Al-ḥamdulī 'Lāh rabiṭa bayna al-Muslimīn bi ukhwatu al-Islām, aḥmdahu ṣubḥānahu wa ashkurhu, wa al-shukru qiyadu al-an'ām, wa ashhadu an lā illāha ila Allāhu waḥdahū lā sharika lah, wa ashhadu anna saiyidīnā Muḥammadā 'abduhu wa Rasūluhu saiyidī al-anām, Allāhumma ṣalli wa sallim 'alā 'abdika, wa rasulika Muḥammad, wa 'alā ālihi wa ṣaḥbihi. Ammā ba'du fayā 'ibād Allāh, itaḥ Allāh:

Terjemahan: Wahyu Qalam

Wahai sekalian hamba Allah,

takutilah kamu akan Allah!

Persatuan yang paling teguh dan perpaduan yang paling erat meresapi ke segenap jiwa ialah “persatuan” yang diperintahkan Allah dan “perpaduan” yang dibina oleh Rasulullah (S.A.W). Persatuan inilah yang dinamakan “*al-Waḥdah al-Islāmiyyah*” dan “perpaduan” ini juga disebut “*al-Ukhuwwah al-Islāmiyyah*”. Tidak ada satu pun persatuan dan perpaduan yang lain di dunia ini lebih teguh dan lebih erat daripada “*al-Waḥdah al-Islāmiyyah*” dan “*al-Ukhuwwah al-Islāmiyyah*”.

Betapa tidak? Kerana persatuan dan perpaduan Islam itu adalah tercantum antara hati dengan hati, terikat antara jiwa dengan jiwa, melalui ajaran-ajaran suci yang diturunkan Allah kepada seluruh manusia. Persatuan dan perpaduan Islam mempersatukan barisan dan tekad perjuangan seluruh umat Islam melalui konsep-konsep persaudaraan yang membawa kepada timbulnya perasaan kasih sayang dan cinta-mencintai

antara sesama umat manusia yang berlainan bangsa, darah dan asal keturunan.

Oleh itulah maka Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā* bersifatkan orang-orang Islam antara satu sama lain adalah “bersaudara” sebagai mana firman-Nya: **“*Innamā al-mu'minūna ikhwatu, fa'asliḥū bayna akhawaykum, wattaqū Allāha la'allakum turḥamūn.*”**

Ertinya: Orang-orang mukmin itu adalah bersaudara, lantaran itu damaikanlah antara dua saudara kamu dan berbaktilah kepada Allah mudah-mudahan kamu mendapat rahmat. (Surah al-Ḥujurāt 10).

Hakikat perpaduan dalam Islam ini telah dibayangkan pula oleh Rasul Allah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* dengan sabdaNya dalam sebuah hadith yang berbunyi:

“*al-mu'min lilmu'min ka al-bunyān, yashiddu ba'ḍahu ba'ḍā*”

Ertinya: “Orang Mukmin bagi Mukmin yang lain itu seperti

sebuah binaan yang tersusun dengan teguh antara setengah setengahnya.”

Sidang Jumaat yang mulia:

Inilah dia bentuk “persatuan Islam” yang diwajibkan oleh Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā* di atas setiap orang Islam membina dan menegakkan “persatuan” ini walau apa corak kehidupan mereka dan walau di mana mereka berada. Dengan terbinanya perpaduan dengan sebegini teguh dan dengan tertanamnya rasa persaudaraan yang sebegitu erat di jiwa setiap orang Muslim, akan penuhlah kehidupan mereka dengan rasa kasih sayang dan cinta-mencintai antara satu sama lain untuk membina sebuah msyarakat Islam yang lebih luas dan besar, meliputi keseluruhan pelusuk dunia timur, barat, utara dan selatan.

Dalam satu masyarakat yang sebegini luas, orang-orang Islam dari satu benua ke satu benua, dari satu negeri ke satu negeri, malahan dari satu bangsa ke satu bangsa, dengan mudah dapat memperhubungkan silaturahim,

Khutbah Jumaat . . .

mempererat tali persaudaraan dan seterusnya memperteguhkan “*ukhuwwah Islamiyyah*” yang memang dituntut kepada seluruh umat Islam mempraktikkannya.

Dengan perpaduan ini juga kaum Muslimin antara satu sama lain, dapat turut sama merasakan segala penderitaan hidup yang dialami oleh saudara-saudara mereka yang seagama itu.

Dari perpaduan inilah juga timbulnya perasaan tolong-menolong, munculnya semangat bantu-membantu dalam menghadapi sesuatu cabaran yang didatangkan oleh pihak musuh dari dalam dan luar negeri, khususnya jika cabaran-cabaran itu bertujuan untuk menodai kesucian dan kemuliaan agama Islam; menceroob dan menguasai bumi kepunyaan orang-orang Islam – sebagaimana yang sedang dilakukan oleh orang-orang Yahudi *Zionist* menceroob dan menguasai tempat-tempat suci Islam di bumi Palestin, termasuklah Masjid al-Aqsa yang terletak di kota suci Islam Baitul Maqdis.

Wahai *ikhwān al-Muslimīn*:

Sebagai perintis jalan menuju ke arah perpaduan Islam yang lebih besar dan luas, maka Islam melalui syariatnya telah mengatur beberapa perjumpaan yang wajib dihadiri oleh penganut-penganutnya dengan secara bertingkat-tingkat, dari perjumpaan yang mengandungi bilangan kecil, kepada perjumpaan yang mengandungi bilangan pertengahan hingga membawa kepada perjumpaan yang mengandungi bilangan yang paling besar.

Pada mulanya Islam mengaturkan satu perjumpaan kecil di kampung-kampung dan di desa-desa dengan memerintahkan orang-orang Islam pergi menunaikan sembahyang lima waktu berjemaah di setiap hari di masjid-masjid atau di surau-sarau dengan tujuan supaya mereka sentiasa mengadakan perhubungan antara satu dengan lain dalam satu perjumpaan yang sebegitu kecil dan terbatas bilangannya. Dengan adanya perjumpaan-perjumpaan kecil seperti itu setiap hari, sedikit demi sedikit akan tertanamlah perasaan muhibbah dan kasih mesra antara satu sama lain yang membawa terbinanya satu perpaduan yang erat, mengembeling tenaga kerjasama, bantu-membantu dalam menghadapi soal hidup sehari-hari.

Untuk menggalakkan agar umat Islam yang berada di dalam satu masyarakat yang kecil itu hidup bersatu padu, rukun damai dan aman tenteram, maka Islam memberikan ganjaran pahala sebanyak 27 kali ganda kepada orang-orang Islam yang menunaikan ibadah

sembahyang dengan cara berjemaah di masjid-masjid dan di surau-sarau.

Setelah jiwa orang-orang Islam dididik mempraktikkan semangat perpaduan dalam sebuah masyarakat kecil di kampung-kampung dan di desa-desa yang jauh terpencil, maka cara perpaduan itu diperluaskan lagi dengan mewajibkan orang-orang Islam yang tinggal terpencil di desa-desa yang jauh datang ke kota-kota atau ke bandar-bandar untuk menunaikan sembahyang Jumaat seminggu sekali. Sembahyang Jumaat ini memerlukan bilangan yang lebih besar, berhimpun di dalam sebuah masjid yang lebih luas.

Sebelum ibadah sembahyang dijalankan, dua khutbah yang mengandungi nasihat, ilmu pengetahuan, dan pengajaran-pengajaran yang berguna untuk dijadikan panduan bagi menghadapi cabaran-cabaran hidup, dipidatokan dari atas mimbar oleh seorang khatib yang sentiasa menanamkan semangat kesedaran dan roh keinsafan ke dalam jiwa para pendengar serta memberi peringatan kepada



Tuan Syed Amin al-Husaini dan Tuan Muhammad Natsir diundang khas menghadiri sidang “Kongres Islam Sedunia” pada tahun yang lalu.

Khutbah Jumaat . . .

mereka tentang kewajiban-kewajiban yang mesti ditunaikan oleh setiap umat Islam terhadap Tuhan, agama, bangsa dan tanah airnya.

Akhir sekali suatu pertemuan lebih besar, meliputi umat Islam seluruh dunia ditetapkan setahun sekali di suatu tempat yang bersejarah dalam perkembangan agama Islam. Ke sanalah seluruh umat Islam yang mempunyai kemampuan diseru datang beramai-ramai untuk menghadiri satu perhimpunan agung, menjadi tetamu Allah di bawah naungan Baitullah al-Haram yang terletak di tengah-tengah kota suci Makkah al-Mukarramah.

Pertemuan inilah yang dinamakan “Haji”. Ibadat haji adalah merupakan suatu perpaduan umat Islam sejagat, perpaduan yang merapatkan hubungan lahir dan batin antara sesama umat Islam yang jauh dan dekat merapatkan silaturahim antara umat Islam di benua Asia dan Afrika, merapatkan rasa persaudaraan antara umat Islam yang datang dari negara-negara timur dan barat. Kedatangan mereka semua berhimpun di suatu tempat yang telah ditentukan Tuhan adalah dengan membawa hasrat yang satu dan dengan cara pakaian yang satu pula iaitu menunaikan panggilan Ilahi yang tercatat di dalam firman-Nya yang berbunyi: *“Wa lillāhi ‘alā al-nās hijju al-bayti mani istaṭā‘a ilayhi sabilā wa man kafara fainna Allāha ghaniyyu ‘ani al-‘ālamīn”*¹

Ertinya: “Dan dengan kerana Allah (semata-mata) manusia diwajibkan mengerjakan haji, iaitu bagi



Suatu lawatan persahabatan yang diadakan oleh Duli Yang Maha Mulia Shahanshah Iran Muhammad Reza Pahlavi ke negara Sa‘udi ‘Arabiyyah pada bulan yang lalu, telah disambut dengan begitu mesra oleh Duli Yang Maha Mulia *Malik* Fisal di Lapangan Terbang Antarabangsa di Jeddah.

orang-orang yang sanggup berjalan kepada-Nya. Barang siapa yang kafir (mengingkari akan kewajiban haji), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dari semesta alam.”

Saudara-saudara kaum Muslimin!

Inilah pertemuan yang teragung antara umat Islam yang diseru datang dari

seantero dunia berhimpun disatu tempat yang telah dipilih oleh Tuhan lantaran kesucian dan keagungannya dalam sejarah perkembangan Islam sejak 13 abad yang silam.

Perhimpunan yang dilakukan di dalam ibadah haji ini, adalah mengandungi beberapa hikmah yang keseluruhan

¹ Sūrah Āli ‘Imrān ayat 97.

Khutbah Jumaat . . .

konsepnya menghidupkan semangat persatuan yang menuju ke arah perpaduan umat Islam sejagat.

Orang-orang Islam yang datang menunaikan ibadah haji pada setiap tahun, bukan sahaja dari golongan rakyat jumbil dan kaum marhaen yang tidak mempunyai apa-apa pengaruh dalam masyarakat, tetapi mereka itu terdiri daripada penganjur-penganjur Islam, pemimpin-pemimpin kaum, pembesar-pembesar, negara, raja-raja yang memerintah, kaum bangsawan, ahli-ahli fikir dan para alim-ulama yang kesemua mereka itu mempunyai pengaruh besar dalam masyarakat bangsa di negeri masing-masing.

Mereka ini semua selama berada di atas dataran bumi mulia itu di samping menunaikan ibadah haji, seharusnya mengadakan hubungan yang rapat dan kalau difikirkan perlu mestilah diadakan satu *conference* Islam bagi meninjau keadaan hidup saudara-saudara mereka orang-orang Islam di merata dunia, mengkaji hal-hal mereka, merancang garisan-garisan usaha yang patut dilaksanakan oleh negara-negara Islam yang maju dan teguh ekonominya untuk membantu negara-negara Islam lain yang baru membangun, demi untuk meninggikan taraf hidup mereka agar setanding dengan bangsa-bangsa yang telah maju.

Pada hari ini, perkara yang paling penting sekali yang harus difikir dan diperbincangkan oleh pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar Islam sedunia, ialah soal mengenai pencerobohan-pencerobohan kejam yang telah dilakukan oleh tentera-tentera Yahudi ke atas tempat-tempat suci Islam di Baitul Maqdis dengan tujuan

menodai kesucian Masjid al-Aqsa, rumah ibadah orang-orang Islam yang mempunyai sejarah teragung dalam dunia Islam. Perbuatan-perbuatan durjana ini memang dengan sengaja mereka lakukan demi untuk mencabar seluruh kaum Muslimin seantero dunia setakat mana perasaan cinta mereka terhadap 'rumah suci' yang mereka anggap ada hubungannya dengan perkembangan Islam agama yang mereka anuti.

Ini selain dari memperlipat gandakan daya usaha memperkukuhkan persatuan dan perpaduan umat Islam sejagat yang telah kelihatan mulai retak akibat dari persengketaan-persengketaan yang berlaku antara mereka sesama sendiri dari sejak berlalunya zaman Rasul dan para Sahabat. Dengan kembalinya tenaga perpaduan dan semangat persatuan Islam yang telah mereka tinggalkan sejak berabad-abad itu, nescaya akan kembali semula kekuatan, kegagahan dan keagungan umat Islam sebagaimana yang telah mereka capai pada zaman kegemilangan dan kebangkitan Islam berpuluh-puluh abad yang lampau. Bila mana segala keagungan dan kekuatan yang telah mereka miliki di zaman silam itu telah berada kembali di tangan mereka, maka pada ketika itu akan tibalah kepada mereka janji Allah yang tercatat di dalam surah an-Nur ayat (55) sebagaimana firman-Nya:

“Wa ‘ada Allāhu alladhīna ‘āmanū minkum wa ‘amilū al-ṣāliḥati layastakhlifannahum fī al-arḍi kamā istakhlafā alladhīna min qablihim, walayumakkīnanna lahum dīnāhumu alladhī irtaḍā lahum walayubaddilannahum min ba‘di khawfihim amnā ya‘budūnānī lā yushrikūna bī shay‘ā wa man kafara ba‘da dhalīka fa‘ulā‘ika humu al-fāsiqūn.

Artinya: “Allah telah menjanjikan bagi orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang mengerjakan kebajikan, bahawa mereka akan menjadi khalifah (pemerintahan) di muka bumi ini, sebagaimana orang-orang sebelum mereka telah menjadi khalifah dan Allah akan menetapkan agama mereka (Islam) yang mereka redhai dan akan menggantikan ketakutan mereka dengan keamanan; mereka menyembah Aku dan mereka tidak mempersekutukan Aku dengan sesuatu (makhhluk) yang lain. Barang siapa yang kafir sesudah itu, maka mereka itu termasuk dalam golongan orang-orang yang fasik.”

Sidang jumaat yang mulia:

Begitulah hendaknya, setiap lapisan dan setiap golongan umat Islam yang telah diberi kesempatan oleh Tuhan menghadiri pertemuan yang agung ini, hendaklah mengambil peluang menggunakan kesempatan itu untuk kepentingan seluruh kaum Muslimin, bukan untuk kepentingan sesuatu bangsa atau golongan sahaja.

Dalam perjumpaan haji yang sebegini agung, setiap pemimpin dan pembesar Islam yang datang haruslah mereka mengambil mandat dari negara masing-masing untuk menjadi wakil umat Islam di negerinya untuk memperbincangkan soal-soal yang mengenai kedudukan Islam secara umum di dalam sidang *conference* yang seharusnya diadakan oleh wakil-wakil umat Islam itu sesama sendiri. Dalam sidang *conference* itu kelak dapatlah mereka bertukar-tukar fikiran, nasihat-menasihati untuk membulatkan